

Melaka waspada kemungkinan banjir besar

JASIN – Semua jabatan dan agensi yang terlibat dengan bencana banjir di Melaka diminta bersiap sedia dan waspada kemungkinan banjir besar melanda negeri ini dalam tempoh terdekat.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, cuaca

tidak menentu dan hujan lebat sejak beberapa hari lepas yang berkemungkinan menyebabkan paras sungai naik sekaligus menyebabkan banjir.

“Banjir mungkin akan berlaku serentak di banyak tempat di negeri ini dan kini kita la-

kukan pemantauan di Sungai Melaka terutama di Durian Tunggal yang biasanya menerima limpahan air dari hulu Sungai Tampin,” katanya selepas melancarkan projek bekalan elektrik ke Pulau Besar di sini semalam.

Banjir di Tehel, 19 keluarga pindah



KERATAN Kosmo! semalam.